

Mahathir - Kelantan (Analisis Berita)

Oleh A. Halim Taih

KOTA RAHARU, 25 Mei (Bernama) -- Kedatangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kelantan 30 Mei ini untuk merasmikan sebuah jambatan dilihat oleh pemerhati politik di sini sebagai detik penting bagi kerajaan negeri pimpinan Pas untuk menjalin hubungan baik dengan kerajaan pusat. Lantas, Menteri Besar Haji Nik Aziz Nik Mat menyambut baik berita itu, dengan berkata ia membuktikan cubaan untuk menegangkan hubungan antara Kuala Lumpur dan Kota Bharu telah gagal.

Kenyataan beliau, khususnya berhubung cubaan itu, telah menarik perhatian para pemerhati politik di sini, yang mengandaikan bahawa jika sekalipun ada golongan yang mungkin tidak menyenangi hubungan baik kerajaan negeri dengan pusat, ianya pasti Semangat 46.

Mereka berkata ini adalah kerana jika kerajaan negeri Kelantan atau Pas berhaik-haik dengan kerajaan pusat dan Barisan Nasional, Semangat 46 akan berada dalam keadaan tersepit.

Kelantanlah satu-satunya negeri tempat Semangat 46 bertapak, dan jika pengaruhnya luntur di negeri itu, maka masa depannya di seluruh negara turut terancam, kata seorang pemerhati. -- Lagi

♥25/05/09-00MST

Mahathir - Kelantan 2 Kota Bharu

Pengumuman mengenai rancangan Perdana Menteri melawat Kelantan dibuat heherapa hari lepas oleh Menteri Relia dan Sukan Haji Annuar Musa. Datuk Seri Dr Mahathir dijadual merasmikan Jambatan Pasir Mas-Salor berharga \$10 juta semasa lawatan seharinya itu.

Haji Annuar juga dilaporkan berkata bahawa Haji Nik Aziz akan dijemput ke majlis perasmian itu.

Sejak Kelantan jatuh ke tangan Pas/Semangat 46/Berjasa, ini merupakan kali pertama Datuk Seri Dr Mahathir membuat lawatan rasmi ke negeri itu, walaupun sebelum ini beliau telah ke sini atas urusan parti.

Sebaik saja lawatan 30 Mei ini diumumkan, Haji Nik Aziz telah berkata bahawa ia membuktikan demokrasi benar wujud dan dipraktikkan. Beliau juga bersedia menemui Perdana Menteri, sama ada di sini (jika ada masa) atau di Kuala Lumpur, dan akan juga menghadiri majlis perasmian jambatan itu.

Ketua Umno Bahagian Bachok, Haji Ahmad Shahabuddin Mohamed Noor menganggap lawatan itu sebagai bukti mengenai kewihawaan Datuk Seri Dr Mahathir sebagai pemimpin, iaitu beliau tidak bersikap membalas dendam sekalipun parti pimpinannya tewas di Kelantan.

Selain ahli-ahli politik, kedatangan Datuk Seri Dr Mahathir juga mendapat ulasan pihak usahawan. -- Lagi

♥25/05/09-00MST

II PR 22-05 00177 RH732

saat 250900

Mahathir - Kelantan 3 Kota Baharu

Setiausaha Dewan Perusahaan dan Perniagaan Melayu Malaysia (DPPMM) cawangan Kelantan, Encik Zain Sulong, umpamanya berkata lawatan itu dapat memulihkan hubungan yang +keruh+ antara kerajaan pusat dan negeri.

+Bersesuaian sangatlah dengan tujuan lawatan ini, iaitu merasmikan satu jambatan, maka kedatangan Perdana Menteri boleh menjadi satu jambatan menjalin hubungan baik antara pusat dan negeri, + kata beliau.

Encik Zain melihat kerjasama antara kedua-dua pihak boleh membawa kepada lebih banyak projek pembangunan di negeri ini.

Selain perasmian jambatan itu, Datuk Seri Dr Mahathir selaku Presiden Umno, akan menerima horang untuk menyertai Umno daripada sekumpulan besar anggota Semangat 46.

Haji Wan Mohamad Bakar, Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Pengambilan semula bekas anggota Semangat 46, menganggarkan 30,000 horang akan diserahkan.

Haji Ahmad Shahabuddin pula berkata hakikat bahawa horang-horang ini diserahkan di +luar musim pilihan raya+ membuktikan bahawa ianya bukan satu mainan politik.

+Biasanya majlis penyerahan horang dilakukan pada musim pilihan raya, tetapi ini dibuat lapan bulan selepas pilihan raya umum dijalankan, + kata beliau. -- Bernama

♥25/05/09-00MST